

**KAPS-05**

**Kod Amalan Infrastruktur,  
Peralatan dan Persekutaran  
Pasca Siswazah SEKOLAH  
PENGAJIAN SISWAZAH (SPS)**

Cetakan Pertama 2009 (KAPS 01 – KAPS 08)  
Pindaan Pertama 2012 (KAPS 09 – KAPS 14)  
Pindaan Kedua 2012 (Semakan Pertama)  
Pindaan Ketiga 2018 (KAPS 01 – KAPS 14)  
© Sekolah Pengajian Siswazah, 1992

Kod Amalan Pengajian Siswazah (KAPS 01 -14)  
Diluluskan Jawatankuasa Eksekutif Sekolah Pengajian Siswazah (4 Julai 2012)  
Diluluskan Mesyuarat JKTS Dasar dan Entiti Akademik (7 Mac 2018)  
Diluluskan SENAT UTM Bil 07/2017/2018 (21 Mac 2018)

Sekolah Pengajian Siswazah  
81310 UTM Johor Bahru  
Johor Darul Ta'zim

**Visi UTM**

*Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.*

**Visi SPS**

*UTM akan menjadi sebuah universiti yang berasaskan kepada Pengajian Pasca siswazah dan sebuah pusat rujukan pendidikan siswazah*

**Misi UTM**

*Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif demi pengkayaan khazanah negara.*

**Misi SPS**

*Mewujudkan sebuah pusat pendidikan siswazah yang mempunyai ekosistem pembelajaran yang menawarkan program-program berkualiti dan memperkayakan pengalaman pelajar untuk berhadapan dengan dunia yang mencabar.*

## ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	1
2.0 SKOP	1
3.0 DEFINISI	1
4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	3
5.0 PROSES DAN PELAKSANAAN	7
6.0 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN	10

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Universiti komited dalam menyediakan infrastruktur, peralatan dan persekitaran yang memberikan suasana pembelajaran dan penyelidikan yang kondusif untuk meningkatkan kreativiti dan inovasi seiring dengan visi dan misinya.
- 1.2 Universiti berusaha untuk sentiasa melengkap dan menaiktaraf infrastruktur, peralatan dan persekitaran pembelajaran supaya selaras dengan perkembangan terkini dalam amalan pendidikan masa kini.
- 1.3 Kod Amalan Infrastruktur, Peralatan dan Persekitaran Pengajian SiswaZah (KAPS-05) ini disediakan untuk memberikan garis panduan kepada unit yang bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan infrastruktur di universiti ini supaya aktiviti Program Pengajian SiswaZah (PPS) dapat dilaksanakan dengan berkesan dan efektif.

## 2.0 SKOP

KAPS-05 ini digunakan bagi semua pengajian siswaZah sepenuh masa dan separuh masa bagi program Sarjana dan Kedoktoran.

## 3.0 DEFINISI

### 3.1 Infrastruktur PPS

Infrastruktur PPS ialah ruang fizikal yang digunakan secara formal untuk pengajaran dan pembelajaran di universiti. Ini termasuklah:

- i Perpustakaan pusat  
Perpustakaan universiti yang bertanggungjawab menyediakan bahan rujukan dalam bentuk bercetak dan elektronik dan kemudahan PPS untuk semua staf dan pelajar Universiti.

- ii. Pusat Sumber  
Perpustakaan mini di SPS dan di setiap unit/jabatan/pusat/fakulti yang menyediakan bahan rujukan terpilih sesuai dengan unit berkaitan.
- ii. Bilik/Dewan kuliah  
Ruang yang digunakan untuk tujuan PPS dan dilengkapi dengan peralatan PPS yang sesuai. Dewan kuliah dengan keperluan khusus (seperti auditorium, studio *video conferencing*).
- iii. Bilik perbincangan  
Bilik dengan muatan kurang daripada 120 orang pelajar yang membenarkan pembelajaran secara berkumpulan dan perbincangan dilakukan.
- iv. Studio  
Ruang pembelajaran yang dilengkapi dengan peralatan yang diperlukan untuk pelajar menghasilkan kerja-kerja lukisan, model, plan dan lain-lain.
- v. Makmal  
Ruang pembelajaran yang dilengkapi dengan peralatan yang diperlukan untuk membolehkan pelajar mengikuti kursus amali dengan berkesan (misalnya Makmal Sains, Makmal Kejuruteraan, Makmal Bahasa, dll).
- vi. Bengkel  
Ruang pembelajaran yang dilengkapi dengan peralatan yang diperlukan untuk pelajar menghasilkan model, prototaip, hasil pertukangan dan lain-lain.
- vii. Makmal Komputer  
Ruang khusus yang mengandungi peralatan komputer bagi membolehkan pelajar membuat tugas dan latihan yang menggunakan komputer.
- viii. Dewan Peperiksaan  
Bilik yang digunakan untuk mengendalikan ujian, peperiksaan dan sebagainya.

ix. Bilik Seminar

Bilik khas yang dilengkapi dengan peralatan tertentu dan sesuai untuk digunakan bagi pelajar membentangkan kertas kerja serta mengadakan seminar, kolokium dan perbincangan.

### 3.2 Infrastruktur Sokongan PPS

Infrastruktur Sokongan PPS yang membantu keberkesanan proses PPS meliputi:

i. Asrama pelajar

Kemudahan tempat tinggal untuk pelajar yang disediakan oleh universiti semasa mereka menuntut.

ii. Ruang pembelajaran

Ruang khas yang terdapat di kolej kediaman atau di Fakulti untuk pelajar mengulangkaji, membuat tugas atau berbincang dengan rakan-rakan.

iii. Pusat Kaunseling dan Pengujian Psikologi

iv. Kemudahan sokongan yang lain seperti Pusat Kesihatan, kemudahan sukan dan rekreasi

Kemudahan tertentu seperti padang, dewan, gimnasium yang membolehkan pelajar mengadakan aktiviti sukan dan rekreasi.

### 3.3 Infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Ruangan khas bagi Server dan Rangkaian Komputer untuk menempatkan sumber elektronik seperti sistem, aplikasi, web dan sebagainya agar PPS sentiasa dapat dicapai secara atas talian.

## 4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

### 4.1 Pejabat Harta Bina

Pejabat Harta Bina (PHB) bertanggungjawab:

4.1.1 Menyelaras dan memantau pembangunan dan pembinaan semua infrastruktur yang berkaitan dengan PPS dan penyelidikan pengajian siswazah di universiti.

- 4.1.2 Menyelaras dan memantau kerja-kerja pengubahsuaian ruang bagi meningkatkan lagi taraf infrastruktur PPS dan penyelidikan pengajian siswazah di universiti.
- 4.1.3 Melengkapkan ruang pembelajaran dengan peralatan yang terkini sesuai dengan perubahan persekitaran dan keperluan pembelajaran.
- 4.1.4 Menyimpan dan menyelenggara inventori, peralatan, ruang dan alat bantu mengajar di bawah pengawasan PHB yang ditempatkan dalam semua ruang fizikal pengajaran dan pembelajaran (P&P).
- 4.1.5 Menyenggara kemudahan infrastruktur PPS dan penyelidikan pengajian siswazah atau peralatan di bawah kawalan PHB.
- 4.1.6 Menyelaras dan memantau kerja-kerja membaiki kemudahan infrastruktur PPS atau peralatan di bawah kawalannya yang mengalami kerosakan.
- 4.1.7 Mengadakan perbincangan dan perancangan berterusan dengan fakulti dan mana-mana pihak yang terlibat berkaitan keperluan PPS dan penyelidikan pengajian siswazah.

## 4.2 Fakulti

Fakulti bertanggungjawab:

- 4.2.1 Merancang keperluan infrastruktur untuk P&P dan penyelidikan bersesuaian dengan jumlah kursus dan bilangan pelajar di Fakulti.
- 4.2.2 Menentukan pegawai yang bertanggungjawab terhadap keselamatan, kelengkapan dan kebersihan setiap dewan kuliah, bilik tutorial, makmal, bengkel dan studio yang terdapat di Fakulti.
- 4.2.3 Memastikan ruang PPS dilengkapi dengan peralatan yang bersesuaian untuk proses P&P selaras dengan perkembangan terkini dalam penggunaan teknologi untuk pengajaran dan pembelajaran.

- 4.2.4 Menyediakan dan mengemaskini inventori peralatan yang terdapat di semua ruang PPS dan penyelidikan pengajian pascasiswazah yang terdapat di Fakulti.
- 4.2.5 Mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjamin keselamatan peralatan yang terdapat di semua ruang PPS dan penyelidikan pengajian pascasiswazah.
- 4.2.6 Memastikan latihan yang sesuai diberi kepada staf dalam penggunaan peralatan PPS dan penyelidikan pengajian pascasiswazah.

#### **4.3 Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT)**

CICT bertanggungjawab:

- 4.3.1 Menyedia dan menyelenggara makmal komputer berpusat untuk kegunaan pelajar.
- 4.3.2 Mengadakan kursus dan program latihan kepada staf dan pelajar dari segi penggunaan perisian yang biasa digunakan dalam proses P&P.
- 4.3.3 Menyediakan khidmat nasihat di makmal komputer berpusat bagi membantu staf dan pelajar menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penggunaan ICT.
- 4.3.4 Menyediakan khidmat pakar bagi menyokong semua aktiviti PPS yang berkaitan dengan penggunaan ICT.
- 4.3.5 Menyediakan kemudahan komputer yang dilengkapi dengan sistem rangkaian di semua makmal komputer.
- 4.3.6 Merancang dan menyelaraskan pembelian perisian berlesen yang digunasama oleh staf dan pelajar.
- 4.3.7 Menyediakan sistem akademik bagi kegunaan pelajar dan staf bermula dari proses mengumpul keperluan pengguna sistem, membangunkan sistem dan menyelenggara sistem yang dibangunkan.
- 4.3.8 Menyediakan server sebagai ruang penyimpanan sistem, aplikasi atau sebagainya serta rangkaian komputer bagi kemudahan capaian ke atas semua sumber tersebut.

- 4.3.9 Menyediakan pangkalan data untuk menyimpan maklumat pengajian bagi tujuan pengeluaran data untuk kegunaan di peringkat universiti, kementerian dan lain-lain.

#### **4.4 Pejabat Hal Ehwal Pelajar**

Pejabat Hal Ehwal Pelajar bertanggungjawab:

- 4.4.1 Merancang keperluan asrama untuk semua pelajar yang berdaftar.
- 4.4.2 Memastikan setiap pelajar diberi kemudahan tempat tinggal yang kondusif untuk P&P.
- 4.4.3 Merancang dan menyediakan kemudahan pusat kesihatan untuk pelajar.

#### **4.5 Kolej Kediaman**

Kolej Kediaman bertanggungjawab:

- 4.5.1 Mengurus dan menyelenggara kemudahan penginapan yang bersih dan selesa untuk pelajar yang tinggal di asrama.
- 4.5.2 Menyediakan ruang belajar yang kondusif bagi membolehkan pelajar mengulangkaji, membuat tugas atau berbincang dengan rakan-rakan.
- 4.5.3 Menyediakan makmal komputer yang mempunyai rangkaian internet.
- 4.5.4 Menjamin keselamatan dan mengawal disiplin pelajar yang tinggal di asrama.
- 4.5.5 Menyediakan persekitaran yang kondusif dan selesa untuk menggalakkan pembelajaran.

### **5.0 PROSES DAN PELAKSANAAN**

Universiti bertanggungjawab menyediakan kemudahan infrastruktur yang kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran. Infratruktur yang disediakan seperti berikut :

### 5.1 Peralatan dalam Ruang PPS

- 5.1.1 Semua dewan kuliah mestilah dilengkapi dengan peralatan asas untuk membantu penyampaian kuliah yang lebih berkesan seperti berikut:
- LCD projector*
  - Overhead projector*
  - Komputer atau sambungan *LCD projector* ke komputer riba
  - Kemudahan internet
  - Sistem siar raya (*PA system*)
- 5.1.2 Bilik kuliah, bilik tutorial dan bilik perbincangan pula hendaklah dilengkapkan sekurang-kurangnya dengan *LCD projector*.
- 5.1.4 Fakulti hendaklah melantik seorang pegawai atau juruteknik yang bertanggungjawab atas peralatan yang terdapat di bilik-bilik kuliah. Nama serta nombor telefon staf berkenaan hendaklah dipapar di tempat yang mudah dilihat supaya mudah dihubungi oleh pengguna sekiranya mereka menghadapi masalah yang berkaitan dengan penggunaan ruang atau peralatan di bilik kuliah.
- 5.1.5 Fakulti perlu menyediakan pusat sumber sebagai tempat menyimpan bahan rujukan, peralatan bantu mengajar dan lain-lain rujukan atau sumber yang berkaitan dengan bidang pengajian di Fakulti.
- 5.1.6 Makmal, bengkel dan studio perlu dilengkapkan dengan peralatan yang bersesuaian dengan fungsi makmal atau studio tersebut. Sekurang-kurangnya seorang pembantu makmal atau juruteknik hendaklah ditempatkan di makmal, bengkel dan studio. Pembantu makmal atau juruteknik tersebut bertanggungjawab membantu pensyarah mengendalikan kelas amali, menyedia dan mengemaskini inventori peralatan, menjaga kebersihan dan keselamatan makmal, bengkel atau studio tersebut.

- 5.1.7 Audit terhadap peralatan yang terdapat di ruang PPS mestilah dilaksanakan secara berkala setiap tahun.
- 5.1.8 Fakulti dan kolej kediaman bertanggungjawab memantau dan memastikan peraturan dan panduan penggunaan setiap kemudahan ruang dan peralatan dipatuhi.

## 5.2 Aspek Keselamatan

- 5.2.1 Fakulti dan unit lain berkaitan bertanggungjawab menyediakan peraturan keselamatan ruang dan peralatan di bawah kawalannya.
- 5.2.2 Fakulti mesti mengambil langkah untuk mematuhi akta dan peraturan yang berkaitan dengan keselamatan pekerja dan perlupusan sisa-sisa berjadual.
- 5.2.3 Ruang PPS mesti dikunci di luar waktu pejabat. Sekiranya pelajar atau staf ingin menggunakan ruang di luar waktu kelas, kebenaran fakulti hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

## 5.3 Kemudahan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU)

- 5.3.1 Universiti sentiasa berusaha untuk memastikan laluan dan kemudahan OKU yang sesuai disediakan agar pelajar OKU dapat mengikuti proses PPS dengan selesa.
- 5.3.2 Universiti sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan kolej kediaman dan rekreasi yang bersesuaian supaya pelajar OKU berpeluang menggunakan fasiliti seperti pelajar lain.

## 5.4 Kemudahan Kolej Kediaman

- 5.4.1 Universiti komited untuk menyediakan kemudahan kolej kediaman yang mencukupi, bersih dan selesa. Kemudahan ini menyediakan persekitaran yang kondusif untuk aktiviti pembelajaran dan menggalakkan suasana bermasyarakat melalui interaksi antara pelajar.

- 5.4.2 Universiti juga komited untuk menyediakan kemudahan yang mampu menggalakkan aktiviti pelajar bagi memperkasa kemahiran generik seperti yang dinyatakan dalam Atribut Pasca Siswazah UTM.
- 5.4.3 Antara kemudahan PPS yang disediakan untuk pelajar yang tinggal di kolej kediaman ialah:
- Ruang gunasama
  - Kemudahan kafetaria
  - Makmal komputer
  - Kemudahan internet
  - Kemudahan pengangkutan

### 5.5 Kemudahan Sukan dan Rekreasi

- 5.5.1 Universiti adalah komited untuk menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan pelajar dan staf. Oleh yang demikian pihak universiti menyediakan berbagai kemudahan sukan dan rekreasi yang boleh digunakan bersama oleh pelajar dan staf.
- 5.5.2 Antara kemudahan yang disediakan ialah:
- Gelanggang sukan
  - Padang
  - Gimnasium
  - Kemudahan sukan air
  - Kawasan perkhemahan

## 6.0 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN

- i. Kod Amalan Jaminan Kualiti Pasca Siswazah (KAPS-01)
- ii. UTM Postgraduate Attribute
- iii. Peraturan Penggunaan Perkhidmatan dan Kemudahan Universiti
- iv. Pekeliling Pelajar Bil 6/2012 : Proses Permohonan Asrama  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru Sesi 2012/2013
- v. Pekeliling Pelajar Bil 9/2012 : Cuti Akhir Semester Sesi II  
2011/2012
- vi. *Student Placement Policy*
- vii. *College Residential Conditions*
- viii. *Conditions for Residing in Family Quarters*
- ix. *College Amenities*